

Tan Sri Ani Arope Meninggal Dunia
Bernama
Dec 20, 2014

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Bekas Pengerusi Eksekutif Tenaga Nasional Berhad Tan Sri Dr Ani Arope meninggal dunia di Pusat Perubatan Subang Jaya pada Sabtu.

Allahyarham Ani, 82, meninggal dunia akibat barah prostat pada kira-kira 5.10 pagi, menurut anak bongsunya, Ismail, 42.

Dilahirkan pada 17 Mei 1932 di Sungai Bakap, Seberang Prai, Pulau Pinang, Allahyarham meninggalkan seorang isteri Puan Sri Saenah Ahmad dan tiga anak selain ramai anak angkat.

Jenazah dibawa ke Balai Islam TNB di Bangsar pagi ini bagi membolehkan orang ramai memberi penghormatan terakhir dan solat jenazah diadakan selepas solat zuhur sebelum dibawa ke Surau Seksyen 2, Shah Alam untuk disembahyangkan sekali lagi.

Jenazah akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 21 Shah Alam.

Allahyarham merupakan pengerusi eksekutif TNB dari 1992 hingga 1996 selain pernah menerajui beberapa syarikat swasta, institusi pengajian tinggi dan pelbagai organisasi.

Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail berangkat memberi penghormatan terakhir buat Allahyarham di Balai Islam TNB dan turut berbuat demikian ialah Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Seri Azman Mohd.

Sementara itu, Ismail berkata sikap prihatin ayahnya terserlah apabila Allahyarham memiliki lebih 50 anak angkat terdiri daripada pelbagai latar belakang, keturunan dan kaum.

"Anak angkatnya terlalu ramai sampai ada di luar negara, kami sendiri pun tidak mengetahui berapa ramai (jumlah sebenar). Arwah suka menghulur bantuan terutama dari segi bantuan untuk menyambung pengajian," katanya.

Beliau juga berkata Allahyarham menyembunyikan kanser yang dihidapnya daripada pengetahuan anggota keluarga dan mereka hanya mendapat tahu tentang penyakit yang dihidapi arwah apabila ia sudah di peringkat keempat pada 2010.

"Sejak itu kami sentiasa meluangkan masa bersama dan kenangan paling indah adalah

ketika mengerjakan umrah sekeluarga pada 2011," katanya.

Tambahnya, Allahyarham selalu mengingatkan anak-anaknya supaya sentiasa berbakti kepada negara, masyarakat dan agama.

Allahyarham ketika hayatnya pernah menjadi Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Ketua Eksekutif Kumpulan Guthrie Bhd dan Pengarah Institut Penyelidikan Getah Malaysia.

Arwah merupakan Timbalan Pengarah pertama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) dari 1969-1972.

Selain itu, Allahyarham pernah menjadi Pengerusi Majlis Institut Teknologi Mara dan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Sains Malaysia dan Pengerusi Majlis Minyak Sawit Malaysia.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1095005>